




---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

<b>KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>DPB3373</b>
<b>KOD KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>E-DAGANG</b>
<b>PEPERIKSAAN</b>	<b>:</b>	<b>OKTOBER 2015</b>
<b>MASA</b>	<b>:</b>	<b>2 JAM 30 MINIT</b>

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian:
 

	BAHAGIAN A (20 Markah)
	BAHAGIAN B (80 Markah)
  
2. Jawab SEMUA soalan dari BAHAGIAN A dan BAHAGIAN B.
  - i. Jawab BAHAGIAN A di dalam Borang Jawapan Objektif
  - ii. Jawab BAHAGIAN B di dalam Buku Jawapan
  - iii. Mula menjawab setiap jawapan di mukasurat baru.
  
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
  
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Borang Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 8 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi DUA PULUH (20) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Borang Jawapan Objektif.

1. Yang manakah antara berikut **BUKAN** komponen ruang pasaran (*market space*)?
  - A. Pelanggan
  - B. Penjual
  - C. Peruncit
  - D. Perkhidmatan sokongan
  
2. *Reverse auction* merupakan jenis *dynamic pricing* \_\_\_\_\_
  - A. Satu pembeli, satu penjual
  - B. Satu penjual, banyak pembeli
  - C. Satu pembeli, banyak penjual
  - D. Banyak penjual, banyak pembeli
  
3. Sistem *encryption key* di mana kunci yang sama digunakan untuk *encrypt* dan *decrypt* mesej dikenali sebagai
  - A. *Public key*
  - B. *Asymmetric key*
  - C. *Data key*
  - D. *Private key*
  
4. Pusat Servis Bendahara Motor membenarkan pelanggannya merekabentuk kenderaannya mengikut citarasa masing-masing. Ini adalah contoh model perniagaan *E-Commerce* dari jenis \_\_\_\_\_
  - A. *Find the best price*
  - B. *Group purchasing*
  - C. *Product and service customization*
  - D. *Affiliate marketing*

5. Marz Berhad adalah sebuah kilang kereta dengan lebih daripada 20 tahun pengalaman dalam pengkhususan memasang, menjual dan perkhidmatan selepas jualan kereta melalui laman web. Ini adalah contoh \_\_\_\_\_
- A. *General purpose e-tailer*
  - B. *Click and mortar e-tailer*
  - C. *Niche e-tailer*
  - D. *The subscription model*
6. Kepercayaan (*trust*) adalah penting dalam e-dagang yang kekurangan interaksi antara pelanggan dan peniaga. Peniaga boleh menambahkan tahap kepercayaan pelanggan dengan cara berikut **KECUALI** \_\_\_\_\_
- A. Pengiktirafan jenama (*brand recognition*)
  - B. Mekanisme keselamatan (*security mechanisms*)
  - C. Pengurangan harga (*price reduction*)
  - D. Ketulusan dalam perniagaan
7. Contoh perkhidmatan yang ditawarkan melalui agensi pelancongan elektronik tetapi tidak melalui agensi tradisional ialah
- A. Berita berkenaan perkhidmatan pelancongan dan tawaran istimewa
  - B. Peluang untuk berbincang berkaitan pengalaman melancong dengan pelancong yang telah melawat atau penduduk di kawasan yang hendak dilawati
  - C. Maklumat bercetak berkenaan kawasan yang diminati
  - D. Bahan promosi dari penyedia perkhidmatan pelancongan
8. *Extranet* adalah
- A. Rangkaian di luar sesuatu organisasi
  - B. Rangkaian maya
  - C. Rangkaian tambahan di luar LAN
  - D. Rangkaian yang menghubungkan intranet dengan rakan kongsi perniagaan

9. Terdapat **DUA(2)** jenis B2B transaksi;
- A. *Sell-side* dan *buy side*
  - B. *Vertical* dan *horizontal*
  - C. *Spot buying* dan *strategic sourcing*
  - D. *Direct interaction* dan *via intermediaries*
10. Bahagian Sumber Manusia Venture Berhad menghantar tawaran kekosongan jawatan daripada bahagian pemasaran melalui intranet organisasi. Ini adalah contoh \_\_\_\_\_
- A. *B2C market*
  - B. *B2B market*
  - C. *B2E market*
  - D. *B2C market*
11. Yang manakah antara berikut adalah jenis perdagangan campuran antara perdagangan elektronik dengan perdagangan tradisional?
- A. Pembelian atau penjualan kereta melalui Internet
  - B. Perbankan online
  - C. Penjualan perisian online
  - D. Hanya A dan B sahaja
12. *Interstitials* merupakan cara pengiklanan \_\_\_\_\_
- A. Iklan pada permulaan laman web atau sebahagian laman web yang digunakan untuk menarik perhatian pengguna dalam masa yang singkat semasa pengguna *loading* sesuatu dari internet
  - B. Iklan yang muncul pada browser window terkini, dan apabila pengguna menutup *active window*, iklan tersebut dapat dilihat.
  - C. Perjanjian antara dua organisasi untuk masing-masing memaparkan banner di dalam laman web.
  - D. Grafik yang terdapat dalam laman web yang ada pautan ke laman web pengiklanan

13. Penghantaran secara elektronik bagi suratkhbar, majalah, buku, video, muzik dan maklumat digital yang lain menerusi *internet* dikenali sebagai \_\_\_\_\_

- A. *Information delivery service*
- B. *Online publishing*
- C. *Infomediary service*
- D. *Electronic Delivery Service*

14. Contoh perkhidmatan yang ditawarkan melalui agensi pelancongan elektronik tetapi tidak melalui agensi tradisional ialah \_\_\_\_\_

- A. Berita berkenaan perkhidmatan pelancongan dan tawaran istimewa
- B. Peluang untuk berbincang berkaitan pengalaman melancong dengan pelancong yang telah melawat atau penduduk di kawasan yang hendak dilawati
- C. Maklumat bercetak berkenaan kawasan yang diminati
- D. Bahan promosi dari penyedia perkhidmatan pelancongan

15. Ciptaan-ciptaan fikiran seperti ciptaan, kerja-kerja artistik, sastera, simbol nama, imej dan reka bentuk yang digunakan dalam perniagaan. Ini merujuk kepada \_\_\_\_\_

- A. *Trademark*
- B. *Patent*
- C. *Copyright*
- D. *Intellectual property*

16. Yang manakah antara berikut **TIDAK BENAR** berkaitan faedah *mobile-commerce*?

- A. *Ubiquity*
- B. *Personalization*
- C. *Localization of products and service*
- D. *Virus free*

17. Hashim memandu dari kampungnya di Melaka ke sempadan Malaysia-Thailand. Kemudian beliau mendapat mesej melalui *smartphonenya* dari operator rangkaian di Thailand. Ini adalah salah satu aplikasi dibawah \_\_\_\_\_ dikenali sebagai
- A. *L-Commerce*
  - B. *General Packet Radio Service*
  - C. *Global Positioning System*
  - D. *Wireless Fidelity*
18. Berikut adalah kategori ruang pasaran elektronik B2B (*B2B e-marketplace*) yang utama, **KECUALI** \_\_\_\_\_
- A. *Buy side e-marketplace*
  - B. *Sell side e-marketplace*
  - C. *Internet malls*
  - D. *Exchanges*
19. Program omputer yang boleh dicapai pangkalan data dari sumber internet carian untuk maklumat khusus atau keywords, dan laporan keputusan. Ini merujuk kepada \_\_\_\_\_
- A. *Search engine*
  - B. *Software agent*
  - C. *Business agent*
  - D. *Internet*
20. Telefon bimbit keluaran terkini membenarkan pengguna membuat pembelian dengan *single click*. Teknologi yang digunakan dalam aplikasi ini dikenali sebagai
- A. *Smart card*
  - B. *M-wallet*
  - C. *Voice partal*
  - D. *Micropayment*

(20 markah)

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi EMPAT(4) soalan. Jawab SEMUA soalan didalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a) Berikan definisi E-Dagang (2 markah)
- b) Terangkan DUA (2) infrastruktur yang menyokong aplikasi EC (4 markah)
- c) Jelaskan TIGA (3) dimensi perniagaan e-dagang. (6 markah)
- d) Senaraikan dan terangkan EMPAT (4) jenis *Dynamic Pricing* (8 markah)

**SOALAN 2**

- a) Berikan maksud serta terangkan TIGA (3) komponen *Supply Chain*. (8 markah)
- b) Jelaskan TIGA (3) sumber keuntungan (*revenue*) sesuatu perniagaan (6 markah)
- c) Terangkan TIGA (3) kelebihan pasaran kerja elektronik kepada majikan. (6 markah)



**SOALAN 3**

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan Intranet?  
(2 markah)
- b) Berikan komponen-komponen yang diperlukan oleh sesuatu organisasi untuk membina Intranet dalam organisasi.  
(3 markah)
- c) Jelaskan **LIMA (5)** fungsi Intranet dalam organisasi  
(5 markah)
- d) Jelaskan **LIMA (5)** ciri spesifik *m-commerce*.  
(10 markah)

**SOALAN 4**

- a) Terangkan **DUA (2)** kebaikan *Travel & Tourism Service Online*.  
(4 markah)
- b) Berikan **EMPAT (4)** pihak yang terlibat dalam pembayaran elektronik (*e-payment*).  
(4 markah)
- c) Berikan definisi *Smart Card* beserta **DUA (2)** jenis *Smart Card*  
(6 markah)
- d) Terangkan secara ringkas **TIGA (3)** jenis kad pembayaran (*payment card*)  
(6 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**

